



# Kuktem lonjak nama Pahang

## Menang pelbagai anugerah pada peringkat antarabangsa

Oleh Samsudin Awang

**K**ECEMERLANGAN Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) bukan saja menjulang nama universiti itu ke peringkat antarabangsa malah turut mengharumkan nama negeri Pahang.

Kejayaan Kuktem merangkul Anugerah Perdana Teknologi Maklumat bagi aplikasi e-pengurusan yang dibangunkannya menjadikan Kuktem Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama di negara ini mendapat pengiktirafan tinggi.

Walaupun baru berusia empat tahun, Kuktem merangkul pelbagai anugerah kecemerlangan R&D dalam bidang teknologi dan bioteknologi di dalam dan luar negara.

Pada Pameran Antarabangsa Mengenai Rekabentuk Teknik Baru Produk Kali Ke-34 di Geneva, Switzerland pada April lalu, Kuktem merangkul satu pingat emas dan satu pingat gangsa.

Pada Ekspo Teknologi Malaysia 2006, Julai lalu Kuktem memenangi



**BUAT PENYELIDIKAN:** Pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli Kuktem menjalankan ujian makmal mengenai Polypynol.

lima perak dan satu gangsa, manakala pada Ekspo ITEX 2006, Mei lalu Kuktem meraih dua emas dan satu gangsa.

Penyertaan Kuktem dalam Ekspo R&D IPTA tahun lalu membuahkan hasil selepas berjaya memenangi kesemua 11 pingat dalam setiap kategori yang dipertandingkan.

Selain itu, Kuktem berjaya ke peringkat akhir Pertandingan Asia Pacific ICT Awards (ACIPTA) dua tahun berturut-turut pada 2003 dan 2004 menjadikan Kuktem fokus utama sebahagian juri pertandingan itu.

Dengan pelbagai kejayaan yang diperoleh dalam usia yang sebegitu muda, ia terus memantapkan lagi Kuktem sebagai sebuah 'specialized university' dengan kepakaran dalam Kejuruteraan Automotif dan Pembuatan serta Kejuruteraan Kimia dan Bioteknologi Industri.

Rektor Kuktem, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela, berkata sistem pembelajaran di Kuktem memperuntukkan 60 peratus teori dan 40 peratus praktikal supaya penuntut memperoleh pengetahuan secara seimbang.